

SISTEM PENASIHATAN KELUARGA BERASAKAN WEB (ePANIK)

Nur Anis Nabilah Binti Abdul Razak

Dr. Ibrahim Mohamed

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Setiap orang menginginkan sebuah keluarga yang bahagia dan sempurna. Tiada yang mendirikan rumah tangga tetapi mengharapkan permasalahan rumah tangga menjadi besar sehingga bergolak institusi kekeluargaan tersebut. Terdapat ramai pasangan yang mempunyai masalah rumah tangga tetapi mempunyai kekakangan masa dan ada juga yang malu untuk bertemu dengan kaunselor bagi mendapatkan kaunseling. Sistem Elektronik Penasihatn Keluarga (ePANIK) merupakan aplikasi berdasarkan web (Web based). Setiap tugas di dalam sistem ini merupakan di atas talian. Sistem ini menyediakan pendapat dan cadangan daripada pakar kaunselor yang terdapat di Pejabat Agama Islam Daerah berkenaan kes nikah, cerai dan rujuk. Pengguna yang mahu berjumpa dengan kaunselor perlu terlebih dahulu mencari jawapan di dalam sistem berkenaan masalah yang dihadapi dengan menaip kata kunci pada ruangan cari. Pengguna yang malu untuk berjumpa secara langsung dengan kaunselor juga boleh menggunakan sistem ini untuk mencari pendapat dan cadangan bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Kawasan kajian adalah dalam kawasan Selangor. Bagi membangunkan aplikasi web ini, rangka kerja yang digunakan adalah *CodeIgniter* dan untuk pengurusan data pula, *phpMyAdmin*. ePANIK ini diharapkan dapat membantu pihak Jabatan Agama Daerah memudahkan rundingan serta dapat menjimatkan masa kaunselor dan juga klien dan memberikan nasihat yang berguna melalui sistem ini.

1 PENGENALAN

Menurut Sapora et al., (2006), kaunseling Islam bermaksud satu proses psikososial yang berlaku dalam bentuk bersemuka antara kaunselor dan klien. Dalam proses itu teknik dan kaedah teknikal yang profesional digunakan bagi tujuan menolong klien untuk menghadapi masalah dengan kaedah penyesuaian langsung, menolong memahami dirinya dan keluarganya, menambah kebolehan dan minat serta menggalakkan untuk menerima taqdir Allah kepadanya.

Dengan kemajuan teknologi masa kini, pelbagai kaedah teknologi boleh digunakan bagi kaunselor memberi kaunseling dan klien menerima kaunseling. Sebagai contoh, menggunakan telefon.

Penggunaan telefon kini menjadi perantara kaunseling secara meluas, terutamanya di pusat kaunseling. Ada beberapa kebaikan, contohnya mudah dihubungi oleh kebanyakan

orang, merapatkan jarak di antara kaunselor dengan klien dan dapat membantu klien yang hendak merahsiakan dirinya. (Sulaiman Shakib et al., 2005)

2 PENYATAAN MASALAH

Peningkatan kes cerai semakin meningkat tahun demi tahun dan mengakibatkan Jabatan Agama untuk tidak menang tangan bagi selesaikan setiap masalah. Setiap satu kes mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

Analisa jumlah kes yang dikendalikan oleh kaunselor di jabatan agama dalam setahun berbanding jumlah klien yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan dari pelbagai kategori masalah adalah seperti berikut. Jumlah hari bekerja setelah ditolak cuti hujung minggu, cuti Sabtu minggu pertama dan ketiga, juga cuti yang layak dimohon oleh kakitangan setahun ialah 253 hari daripada 365 hari. Andaian bahawa seorang kaunselor boleh mengendalikan tiga kes sehari, empat kaunselor hanya akan dapat mengendalikan 3036 kes daripada 4843 yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan (sumber Unit Nikah dan Cerai Jabatan Agama Islam Johor, 2002)

Ini bermakna bukan sahaja tidak semua klien dapat dibantu malah seorang klien hanya dapat berjumpa sekali sahaja setahun. Matlamat asal bukan bilangan kes yang diperlukan tetapi jumlah penyelesaian yang dapat dilakukan. Keadaan akan lebih membimbangkan jika faktor keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang diberikan diambil kira. (Mohamed Sharif dan Roslee, 2017).

Oleh kerana peningkatan masalah rumah tangga semakin meningkat, kaunselor di Pejabat Agama tidak cukup bagi membantu untuk menangani semua masalah tersebut. Kes-kes tidak dapat diklasifikasikan mengikut keutamaan yang memerlukan perhatian terlebih dahulu.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Projek ini bertujuan memperkenalkan sistem penasihat keluarga berasaskan web kepada pasangan beragama Islam yang mempunyai masalah dalam perhubungan. Secara umum objektif kajian adalah menghasilkan sistem yang membolehkan pasangan mencari solusi terlebih dahulu sebelum membuat temujanji berjumpa dengan pakar kaunselor. Hal ini dapat mempercepat proses pasangan yang memerlukan bantuan dalam perhubungan secara segera.

Kertas ini membincang tentang projek pembangunan sistem ePanik dan menjelaskan bagaimana ia beroperasi. Pasangan memasukkan kata kunci yang berkaitan masalah dan sistem akan paparkan simptom serta nasihat.

4 METOD KAJIAN

Penggunaan model pembangunan yang sesuai penting untuk memasti perjalanan projek berjalan dengan lancar dan menjamin hasil kerja yang berkualiti. Model sistem penasihat keluarga berasaskan web melibatkan beberapa fasa pembangunan dan ditambah dengan penggunaan perisian dan perkakasan yang bersesuaian. Fasa pembangunan termasuk fasa perancangan, analisis, reka bentuk, pengujian dan dokumentasi. Model ini penting untuk memastikan perjalanan projek lancar dan teratur.

4.1 Fasa Perancangan

Fasa ini melibatkan proses pengenalpastian masalah, objektif, persoalan kajian dan menentukan skop. Langkah seterusnya melibatkan pengumpulan, pencarian dan pembacaan jurnal dan kajian lepas bagi mencetus idea dan inspirasi. Contoh topik yang berkaitan dikaji terutama berkaitan dengan konsep reka bentuk dan sistem penasihat yang sedia ada. Penggunaan internet untuk mencapai maklumat berkaitan dilakukan. Maklumat dikumpul, distruktur dan disintesis dan dipersembah secara kritis dan kreatif dalam fasa analisis.

4.2 Fasa Analisis

Fasa ini melibatkan analisis dan tafsiran maklumat yang dikumpul dalam fasa perancangan. Analisis tentang kesesuaian topik dan menilai kepentingan untuk menjalankan kajian ini dilakukan. Selain itu, analisis tentang perkakasan dan perisian juga dijalankan untuk memasti perkakasan dan perisian yang sedia ada adalah sesuai untuk membangun projek ini.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa ini merupakan fasa yang penting dalam keseluruhan projek. Fasa ini melibatkan dua proses penting, iaitu mereka bentuk dan membuat carian nasihat. Projek ini dibangun dengan menggunakan rangka bingkai codeigniter. Untuk pengurusan data pula menggunakan phpMyAdmin.

4.4 Fasa Pengujian


Fasa ini bertujuan menguji keputusan carian nasihat dan penyimpanan data melalui carian yang dihasil dalam fasa reka bentuk. Sekiranya gagal mencapai objektif projek, penyelarasan perlu dijalankan atau mengimbas kembali fasa analisis bagi membuat penambahbaikan kajian yang mendalam.

Perkakasan dan perisian yang diguna untuk membangun projek harus dipilih dengan teliti. Perkakasan dan perisian yang baik berfungsi dengan lancar serta menyokong pembanguna sistem penasihatn keluarga berasaskan web. Pemilihan perkakasan dan perisian yang tidak tepat boleh menjejaskan hasil projek. Spesifikasi keperluan perkakasan yang diguna untuk menghasil rekaan grafik dan animasi adalah perkakasan asas sesebuah komputer.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincang hasil daripada proses pembangunan sistem penasihatn keluarga berasaskan web. Penerangan yang mendalam tentang reka bentuk dan carian nasihat diperihalkan. Fasa reka bentuk adalah fasa yang penting dalam pembangunan projek. Dalam projek ini, perisian *sublime* diguna untuk membuat *coding*. Model kemudiannya dilakukan data serta carian nasihat. Reka bentuk dan data nasihat serta simptom dilakukan. Seterusnya pengujian terhadap reka bentuk model dan carian nasihat dijalankan untuk memasti hasil pembangunan adalah selaras dengan objektif yang ditetapkan sebelumnya.

Pengguna perlu daftar akaun sebelum boleh log masuk ke dalam sistem. Setelah pengguna log masuk, pengguna boleh mendapatkan maklumat mengenai pakar kaunselor serta membuat carian nasihat dan simptom dengan menaip kata kunci pada kotak carian. Hasil carian simptom yang ditaip dipaparkan. Apabila menekan salah satu simptom tersebut, nasihat yang berkenaan dengan simptom pula dipaparkan. Kotak carian menyimpan maklumat carian yang dicari oleh pengguna. Maklumat carian yang dicari oleh pengguna, pakar kaunselor boleh melihat carian mana yang paling kerap dilakukan.




The screenshot shows the 'ePANIK' login interface. At the top left is the logo 'ePANIK'. The top right navigation bar contains links for 'LogMasuk', 'PendaftaranBaru', 'MengenalKami', and 'HubungiKami'. The main heading is 'LOG MASUK AKAUN'. Below this are two input fields: 'Alamat Email' and 'katalaluan'. A link 'Lupa katalaluan?' is positioned below the password field. A green 'Masuk' button is located at the bottom right of the form area. Below the button, the text reads 'Jika tidak mempunyai akaun, sila daftar [di sini](#).'

Rajah 5.0 Log Masuk Akaun




The screenshot shows the 'ePANIK' new account registration page. The top left features the 'ePANIK' logo. The top right navigation bar includes links for 'LogMasuk', 'MengenalKami', and 'HubungiKami'. The main heading is 'PENDAFTARAN AKAUN BARU'. The registration form is divided into two columns. The left column contains 'Email:' with a sub-label 'Masukkan email anda' and a corresponding input field, and 'Katalaluan:' with a sub-label 'Masukkan katalaluan anda' and a corresponding input field. The right column contains 'Nama:' with a sub-label 'Masukkan nama anda' and a corresponding input field, and 'Nombor Telefon:' with a sub-label 'Masukkan nombor telefon anda' and a corresponding input field. At the bottom right of the form are two buttons: a red 'Daftar' button and an orange 'Cancel' button.


Rajah 5.1 Pendaftaran Akaun Baru



Rajah 5.2 Halaman Utama Setelah Log Masuk



Rajah 5.3 Halaman Carian



Rajah 5.4 Maklumat Kaunselor

Seperti di dalam Rajah 5.4, pengguna boleh menekan email kaunselor untuk email langsung kepada kaunselor untuk menetapkan temujanji ataupun bertanyakan soalan dengan lebih lanjut.

6 KESIMPULAN

Sistem penasihat keluarga berasaskan web ini dijangka dapat membantu memudahkan pengguna di dalam memperolehi pelbagai nasihat rumah tangga dari para kaunselor. Kemudahan ini dapat mempercepatkan pasangan yang mempunyai masalah mencari jalan penyelesaian. Sistem epanik ini mempunyai beberapa kelebihan dan keistimewaan dikenal pasti. Kelebihan sistem merupakan tanda kejayaan penghasilan sistem yang baik dan berkesan. Beberapa kelebihan bagi sistem epanik ini adalah reka bentuk antara muka yang mesra pengguna, capaian sistem yang mesra pengguna, dan sifat pengesahan.

7 RUJUKAN

- Abe Sohpihan Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar
<http://journalarticle.ukm.my/8010/1/6999-17854-1-SM.pdf> 2014
- Mohd. Hafizi Ahmad Dan Ahmad Zainul Ariffin
http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0112&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_01.htm#ixzz4u5QgfHis 2016
- Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad
https://www.researchgate.net/publication/317087287_ANALISIS KEPERLUAN KAUNSELING TERHADAP MASALAH PENCERAIAN KAJIAN KES KUALITATIF DI JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR Analisis Keperluan Kaunseling Terhadap Masalah Penceraian. Kajian Kes Kualitatif Di Jabatan Agama Islam Johor 2017
- sumber Unit Nikah dan Cerai Jabatan Agama Islam Johor, 2002
https://www.researchgate.net/publication/317087287_ANALISIS KEPERLUAN KAUNSELING TERHADAP MASALAH PENCERAIAN KAJIAN KES KUALITATIF DI JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR Analisis Keperluan Kaunseling Terhadap Masalah Penceraian. Kajian Kes Kualitatif Di Jabatan Agama Islam Johor 2017
- Roslelawati Abdullah and Nordin Hussin
[http://web.usm.my/km/32\(1\)2014/KM%2032\(1\)%202014%20-%20ART4%20\(81-117\).pdf](http://web.usm.my/km/32(1)2014/KM%2032(1)%202014%20-%20ART4%20(81-117).pdf) 2014
- Sapora Sipon, Hapshah Md Yusof dan Ab Aziz Mohd Yatim Kaunseling Individu (Edisi Ketiga). Pearson Malaysia Sdn. Bhd. Petaling Jaya.
http://eprints.utm.my/6275/1/MohdRedzwanAbdulMutalib2008_PanduanKaunselingKeluargaTeknikPenyampaian.pdf 2006
- Sulaiman Shakib Mohd Noor, Mohamed Sharif Mustaffa, Roslee Ahmad, Azizi Yahaya
https://books.google.com.my/books?id=-YtGMtE8LtYC&pg=PA21&lpg=PA21&dq=kaunseling+menggunakan+it&source=bl&ots=CfS6NSOKTP&sig=2fqd0EwL7SZWqTi0bAypqd8AYeY&hl=en&sa=X&redir_esc=y#v=onepage&q=kaunseling%20menggunakan%20it&f=false 2005
- Introduction to the Laravel Framework
<http://lea.si.fti.unand.ac.id/2014/09/pengenalan-framework-laravel/> 19 September 2017
- Laman E-Counselling
<https://www.shepellfgiservices.com/ec/index1.asp> 2017
- Laman e-Kaunseling RISDA (Unit Khidmat Psikologi)
<http://ekaunseling.risda.gov.my/Pages/Pengguna/frmmain.aspx> 2017
- Portal Rasmi Seksyen Pengurusan Psikologi Jabatan Perdana Menteri (e-Psikologi)
<http://aplikasi.jpm.gov.my/epsikologi/modules/main/index.php> 2017